



SIARAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-15

**PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) &
PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

4 Ogos 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan Salam Hormat. Apa khabar semua? Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan **LAKSANA Ke-15** ini.
2. Sepanjang beberapa minggu lepas, saya telah menjawab di Parlimen soalan-soalan mengenai pencapaian **PRIHATIN** dan **PENJANA**. Saya berterima kasih kepada Ahli-Ahli Parlimen di atas keprihatinan mereka terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk melindungi rakyat dan memulihkan ekonomi. *"In these challenging times, we must rise and come together and help all Malaysians"*.
3. Laporan pada minggu ini akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pertama, status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan isu semasa.

4. Memandangkan terdapat banyak perkara yang ingin dikongsi pada minggu ini, saya akan beri keutamaan perincian kepada langkah-langkah tertentu, dan selebihnya akan dikongsi sebagai lampiran dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan serta saluran media sosial rasmi.

PRIHATIN

5. Bagi Pakej PRIHATIN terdapat **3 perkembangan utama** yang saya ingin kongsi di bawah pakej PRIHATIN. Kita mulakan dengan **Matlamat 1** iaitu “**Lindungi Rakyat**”
6. **Pertama, Bantuan Sara Hidup atau BSH.** Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini, pembayaran **Bantuan Sara Hidup atau BSH 2020** fasa ketiga sudah mula dilaksanakan mulai **24 Julai 2020 (Jumaat)**.
 - a. Peruntukan yang terlibat adalah hampir **RM3.0 bilion** dan memanfaatkan hampir **4.28 juta penerima BSH** merangkumi **3.75 juta isi rumah** dan **0.53 juta bujang (40-59 tahun)**. Kadar BSH yang akan diterima juga mengambil kira **3.8 juta anak penerima BSH berumur 18 tahun ke bawah**.
 - b. Sehingga 31 Julai 2020, BSH fasa ketiga bagi seramai **4.13 juta penerima** telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank melibatkan bayaran **RM 2.7 bilion**. Penerima BSH yang diluluskan tetapi tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank boleh menuntut secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).
 - c. **Bagi memastikan komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman menerima bantuan, proses pengagihan bantuan memerlukan usaha yang lebih dari biasa.** Ini termasuklah menaiki bot ke pulau, perjalanan berjam-jam merentas hutan dan sebagainya oleh rakan-rakan kerja Kementerian, Bank Simpanan Nasional, serta Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Sarawak yang terlibat. Alhamdulillah, proses agihan BSH dan BPN secara tunai untuk lebih **50,000 penerima pedalaman Sabah dan Sarawak** melibatkan 30 lokasi di Sarawak dan 9 lokasi di Sabah telah selesai pada **31 Julai 2020**.

- d. Bagi mereka yang ingin membuat rayuan, tempoh permohonan rayuan akan dibuka mulai **7 Ogos hingga 6 September 2020**. Permohonan rayuan boleh dibuat secara dalam talian di portal BSH <https://bsh.hasil.gov.my> atau pemohon boleh hadir di mana-mana **Cawangan LHDNM/ Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre - UTC)**. Sila sertakan dokumen yang berkaitan untuk diverifikasi semula oleh LHDNM.

7. **Kedua, berita baik untuk Pemandu Bas Sekolah:** Kerajaan akan menyalurkan bantuan kepada pemandu bas sekolah yang dianggarkan melibatkan 30,000 pemandu. Bantuan ini dijangka akan dibuat pada **14 Ogos 2020**.

8. **Ketiga, Geran Yayasan Hasanah.** Ia merupakan inisiatif kerjasama antara Kementerian Kewangan dan Yayasan Hasanah, untuk menyokong usaha-usaha *Badan Bukan Kerajaan (NGO)*, *Civil Society Organisations (CSO)*, dan Perusahaan Sosial atau (*Social Enterprises*). Geran yang diberikan digunakan untuk membantu, antara lain, golongan B40 dan masyarakat mudah terjejas; komuniti Orang Asli dan Orang Asal; dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan berkeperluan khas; terutamanya yang terkesan COVID-19. **Sehingga 28 Julai 2020, sebanyak 42 projek diluluskan di bawah Geran ini berjumlah RM7.6 juta, dan memanfaatkan 115,000 individu di seluruh negara. Di antara projek yang telah diluluskan termasuklah:**
 - a. Komuniti Belia Selangor yang berusaha membimbing 20 orang usahawan kelainan upaya (OKU), untuk mengembangkan perniagaan dan membantu mereka berdikari;

 - b. Pusat Pemuliharaan Beruang Matahari Borneo untuk memulihara 42 beruang matahari yang diselamatkan, dan sedang direhabilitasi untuk kembali ke hutan di Sandakan Sabah;

 - c. Tanoti Sdn Bhd, sebuah Perusahaan Sosial yang berpusat di Sarawak, bertujuan memperkasakan 50 lelaki dan wanita dari komuniti B40 untuk menjahit topeng muka yang akan dibekalkan kepada semua murid sekolah awam di daerah Kota Samarahan; dan

- d. Sahabat Alam Malaysia yang beroperasi di Perak, Pulau Pinang dan Melaka untuk mewujudkan rantaian bekalan bagi membolehkan 60 nelayan menjual ikan tangkapan terus kepada pengguna, dan juga menyokong 77 petani di 2 kampung di Baram dan Marudi, Sarawak untuk mempelbagaikan hasil pertanian mereka bagi meningkatkan pendapatan mereka.

9. Seterusnya, **Matlamat 2 PRIHATIN** iaitu “**Sokong Perniagaan**”.

10. Bagi **Program Subsidi Upah**:

- a. Sehingga 24 Julai 2020, sebanyak **RM8.97 bilion Subsidi Upah telah diluluskan** (peningkatan daripada RM7.82 bilion) yang memanfaatkan lebih **2.58 juta pekerja** (peningkatan daripada 2.55 juta). Alhamdulillah, Program Subsidi Upah dapat terus membantu majikan dan pekerja yang terkesan akibat COVID-19.
- b. Untuk makluman semua, pihak **PERKESO juga telah memuat naik nama-nama majikan yang telah menerima bantuan PSU**. Tindakan ini diambil berikutan aduan diterima daripada orang ramai bahawa terdapat segelintir majikan yang mengambil subsidi tetapi masih memberhentikan atau memotong gaji pekerja tanpa persetujuan mereka. **Orang ramai juga boleh melaporkan sebarang aduan kepada pihak PERKESO di e-mel aduansip@perkeso.gov.my atau talian 1300 228 000 untuk tindakan lanjut.**

11. Seterusnya adalah **Matlamat 3 PRIHATIN** iaitu **Perkukuh Ekonomi**.

12. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan** sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, sehingga 24 Julai 2020, **nilai moratorium** tersebut dianggarkan berjumlah **RM62.8 bilion**. Dari angka ini, sebanyak **RM21.9 bilion** adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh **Rakyat bernilai RM40.8 bilion**.

- a. Alhamdulillah, pada 29 Julai 2020 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan **Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bank Bersasar**. Bantuan ini adalah berfokus khusus untuk golongan yang benar-benar memerlukan, iaitu individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan baharu; serta individu yang masih bekerja tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan akibat COVID-19. Di samping itu, institusi perbankan juga telah memberikan komitmen untuk membantu PKS, baik peniaga, penaja atau mereka yang bekerja sendiri yang turut terkesan akibat COVID-19.
- b. **Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bank Bersasar** ini diharapkan dapat membantu individu yang masih terkesan untuk keluar dari krisis kewangan, menyokong perniagaan yang terjejas untuk meneruskan operasi dan seterusnya melonjakkan semula ekonomi negara.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudari yang dihormati,

13. Seterusnya, saya ingin mengulas pencapaian bantuan di bawah PENJANA, di mana inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat, iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat
 - b. Melonjakkan Perniagaan
 - c. Merangsang Ekonomi
14. **Saya mulakan dengan** pelaksanaan langkah di bawah **Matlamat Pertama PENJANA** iaitu **Memperkasakan Rakyat** yang merangkumi bantuan dalam **bentuk diskaun, bantuan *one-off*** dan **inisiatif-inisiatif yang memberi fokus kepada memelihara pekerjaan dan meningkatkan daya saing.**

15. **Pertama, di bawah program My30**, sehingga 24 Julai, **sebanyak 179,349 pas telah dijual** (peningkatan daripada 119,844 pas). **Subsidi Kerajaan bagi pas-pas My30 tersebut bernilai RM30.5 juta** (peningkatan daripada **RM20.4** juta). Pas My30 boleh digunakan untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT.
16. **Kedua, Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas**. Bantuan *one-off* RM300 sudah di bayar melibatkan kumpulan berikut:
 - a. **Kumpulan OKU, iaitu seramai 185,713 penerima** (peningkatan daripada 184,538) melibatkan bayaran **RM55.7 juta** (peningkatan daripada RM55.36 juta)
 - b. **Kedua, Pekerja Perkhidmatan Bantuan Rumah: 1,815 penerima** (peningkatan daripada 1,800 minggu lepas) melibatkan jumlah **RM544,500** (peningkatan daripada RM540,000 minggu lepas).

Pembayaran kepada **ibu tunggal** sudah pun bermula dan akan dilaporkan kelak. Kepada para ibu tunggal yang layak tetapi belum berdaftar, anda boleh mendaftar secara dalam talian dengan melayari **Portal Rasmi Jabatan Pembangunan Wanita** <https://www.jpw.gov.my/permohonan-bantuan-ibu-tunggal/>

17. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**. Sejak pendaftaran dibuka pada 15 Jun 2020, setakat 24 Julai 2020 **seramai 7,543 pekerja telah mendapat pekerjaan**. Jumlah ini merangkumi **5,302** di bawah umur 40 tahun; **1,212** bagi 40 - 60 tahun, **66 OKU** dan **963 Perantis**.
18. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **Matlamat 2 PENJANA** iaitu **Melonjakkan Perniagaan**.
19. **Pertama, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA**. Sektor pelancongan merupakan sektor penting dalam ekonomi Malaysia dengan aktiviti yang berkaitan pelancongan menyumbang 15% kepada KDNK Malaysia. Sektor ini juga menjadi sumber pendapatan kepada lebih 20% daripada jumlah tenaga kerja keseluruhan. Ingin saya berkongsi, bahawa **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** dan **Bank Negara Malaysia (BNM)** telah mengumumkan skim **Pembiayaan Pelancongan**

PENJANA (Penjana Tourism Fund - PTF) pada 30 Julai 2020 yang bernilai **RM1 bilion**. Skim ini menawarkan pembiayaan sehingga RM75,000 kepada setiap perusahaan mikro, dan sehingga RM300,000 kepada PKS yang layak. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada penjana.treasury.gov.my.

20. **Kedua, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS)** yang telah dibuka pada 13 Julai. Dalam masa 11 hari, iaitu sehingga 24 Julai, sebanyak **718 permohonan telah diluluskan** (iaitu peningkatan daripada 259) **berjumlah RM5.27 juta** (atau peningkatan daripada RM1.92 juta bagi dua minggu sebelum ini).
21. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **PENJANA Matlamat 3 iaitu Merangsang Ekonomi**.
22. Kerajaan telah melancarkan inisiatif **ePENJANA** bermula 31 Julai yang lalu dengan tujuan merangsang perniagaan runcit dan membudayakan pembayaran secara digital. Alhamdulillah, dalam 3 hari pertama ePENJANA, **sehingga 2 Ogos 2020, lebih daripada 4.5 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompot** mereka. Sejak ePENJANA diumumkan, bilangan pengguna MySejahtera yang berdaftar telah meningkat lebih **daripada 2 juta kepada 9.4 juta pengguna**.
 - a. **Sebagai peringatan, ePENJANA boleh ditebus menggunakan salah satu daripada tiga penyedia perkhidmatan e-dompot iaitu, Boost, GrabPay dan Touch 'n Go eWallet**. Berhati-hatilah dengan aplikasi palsu atau tidak rasmi.
 - b. Pengguna juga mesti **memuat turun aplikasi MySejahtera yang terkini**. Versi aplikasi lama tidak boleh mendapat bantuan ePENJANA.
 - c. Selain itu, penambahbaikan saringan telah dibuat dalam proses verifikasi dan kelulusan. Ini adalah ekor beberapa cabaran yang dihadapi pemohon, terutamanya dari segi padanan nama dalam pangkalan data. Cuma, saya ingin mengingatkan agar jangan menggunakan nama manja seperti **Superman, Boboi**, dan **Achik** ketika mendaftar. **Confirm tak dapat tu**.

ULASAN ISU SEMASA

Saudara-saudari sekalian,

23. **Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada 6 November 2020** akan tertumpu kepada usaha merencanakan semula ekonomi selain memulihkan keyakinan pelabur dan pengguna berlandaskan empat tema utama iaitu:
 - Menjaga kebajikan rakyat,
 - Memacu pertumbuhan ekonomi,
 - Melestarikan kehidupan,
 - Memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.
24. Seperti PENJANA, saya dan pasukan dari Kementerian Kewangan bertindak untuk turun padang. Contohnya, dua minggu lepas kami telah ke Melaka untuk melancarkan **Jelajah Belanjawan 2021** yang bertujuan mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai industri dalam merangka Bajet 2021, dan minggu seterusnya kami kemudiannya ke Subang menemui wakil-wakil industri aero-angkasa. Saya juga berkesempatan menemui Yayasan Hasanah untuk melihat pelaksanaan Geran Khas Hasanah, dan berbual bicara bersama NGO, dan pertubuhan masyarakat awam *Civil Society Organisation (CSO)*.
25. Izinkan saya berkongsi sorotan lawatan dan sesi konsultasi tersebut.
26. Saya percaya cara terbaik adalah *"to go to the ground"* dan mendengar masalah yang dihadapi, memandangkan dunia sedang terkesan dengan pandemik COVID-19. Dari situ, kita akan mengkaji setiap cadangan yang diberikan kepada pihak kementerian.
27. Saudara-saudari sekalian, kita sudah sedia maklum Kedah akan melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan Peningkatan Sasaran (TEMCO)** di empat mukim di negeri ini akibat peningkatan kes Covid-19 akibat kluster Sivagangga. Pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan bahawa aktiviti ekonomi sudah mula kembali pulih selepas tempoh PKP, tetapi kita masih belum menang sepenuhnya dalam

menangani penularan COVID-19. Kita harus elakkan satu situasi di mana kita terpaksa melaksanakan PKP semula.

28. Jadi demi kesihatan kita, keluarga dan kesejahteraan ekonomi negara, sentiasalah amalkan penjarakan sosial, pakai pelitup muka di tempat awam, elak tempat yang sempit dan sesak. Sama-samalah kita perangi jangkitan virus COVID-19.
29. Stay safe, kita jaga kita, kita pasti menang. Sekian, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

4 Ogos 2020

LAMPIRAN – PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1	Program i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	a. Setakat 24 Julai 2020, jumlah pengeluaran kumulatif antara April sehingga Julai 2020 adalah sebanyak RM 5.66 bilion melibatkan 4.48 juta penerima. b. KWSP menyediakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) secara percuma bagi membolehkan perancangan persaraan. Maklumat mengenai perkhidmatan ini boleh didapati di https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service dan ianya terbuka kepada orang ramai termasuk bukan ahli KWSP.
2	Pemandu teksi	Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada 29,665 pemandu teksi (peningkatan daripada 29,193) berjumlah RM17.8 juta (peningkatan daripada RM17.5 juta) buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua, pembayaran telah mula dibuat pada 22 Julai 2020 yang melibatkan 4,814 pemandu .
3	Pemandu Pelancong	Seramai 7,547 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,484 pemandu) telah menerima bantuan berjumlah RM4.53 juta (peningkatan daripada 4.5 juta)
4	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran kepada 3,104 bagi pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020.
5	Pemandu bas sekolah	Inisiatif tambahan, iaitu bantuan kepada pemandu bas sekolah yang dianggarkan melibatkan 30,000 pemandu bas sekolah. Proses penyaluran bantuan ini dijangka akan dibuat pada 14 Ogos 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

6

Program Subsidi Upah (PSU)

Tujuan PSU ialah untuk membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi biasa berikutan krisis dan mengelakkan para pekerja hilang pekerjaan

**Jumlah kumulatif*

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
24 Julai	8.97	317,292	2.58
20 Julai	7.82	314,423	2.55
10 Julai	7.79	313,644	2.53
3 Julai	7.15	310,622	2.48
26 Jun	7.07	307,518	2.46
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

7

Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP

KWSP akan membuat pemantauan rapat untuk memastikan caruman oleh majikan yang distruktur semula akan tetap dibayar pada masa hadapan. Tindakan boleh diambil ke atas majikan yang tidak menunaikan tanggungjawab masing-masing dari segi caruman untuk tabung persaraan pekerja.

**Jumlah kumulatif*

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
24 Julai	65,122	12,165	80.9
20 Julai	64,265	11,930	79.3
10 Julai	58,455	11,370	76.1
3 Julai	37,900	10,528	70.4
26 Jun	36,107	9,542	63.9
19 Jun	34,246	8,489	56.8
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

8.	Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia	Permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterdia oleh PKS - termasuk dana <i>Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility</i> dan <i>Agrofood Facility</i> – adalah seperti berikut: <table> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetujuterdia* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> <tr><td>24 Julai</td><td>9.4</td><td>21,063</td></tr> <tr><td>20 Julai</td><td>9.2</td><td>20,815</td></tr> <tr><td>10 Julai</td><td>9.1</td><td>20,545</td></tr> <tr><td>3 Julai</td><td>8.8</td><td>20,104</td></tr> <tr><td>26 Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr><td>19 Jun</td><td>8.2</td><td>19,253</td></tr> <tr><td>12 Jun</td><td>7.8</td><td>18,449</td></tr> <tr><td>5 Jun</td><td>7.5</td><td>18,227</td></tr> <tr><td>31 Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr><td>17 Mei</td><td>5.8</td><td>14,075</td></tr> <tr><td>10 Mei</td><td>4.7</td><td>11,975</td></tr> <tr><td>3 Mei</td><td>3.0</td><td>6,840</td></tr> <tr><td>26 April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </table> <i>*Jumlah kumulatif</i>	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterdia* (RM bilion)	Jumlah PKS*	24 Julai	9.4	21,063	20 Julai	9.2	20,815	10 Julai	9.1	20,545	3 Julai	8.8	20,104	26 Jun	8.4	19,539	19 Jun	8.2	19,253	12 Jun	7.8	18,449	5 Jun	7.5	18,227	31 Mei	6.9	16,833	17 Mei	5.8	14,075	10 Mei	4.7	11,975	3 Mei	3.0	6,840	26 April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterdia* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																										
24 Julai	9.4	21,063																																										
20 Julai	9.2	20,815																																										
10 Julai	9.1	20,545																																										
3 Julai	8.8	20,104																																										
26 Jun	8.4	19,539																																										
19 Jun	8.2	19,253																																										
12 Jun	7.8	18,449																																										
5 Jun	7.5	18,227																																										
31 Mei	6.9	16,833																																										
17 Mei	5.8	14,075																																										
10 Mei	4.7	11,975																																										
3 Mei	3.0	6,840																																										
26 April	1.5	3,636																																										
9.	Skim Kredit Mikro BSN	Pembayaran telah dibuat kepada 7,949 PKS melibatkan jumlah sebanyak RM278 juta																																										
10.	Program TEKUN	Pembayaran telah dibuat kepada 24,187 PKS melibatkan jumlah sebanyak RM181 juta																																										